



# FESTIVAL BAHASA DAN SASTERA 2010

## Pertandingan Pidato



Anjuran

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

dengan kerjasama

**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PERSATUAN PENTERJEMAHAN DAN PENULISAN  
KREATIF MALAYSIA (PERSEPTKIF)**

**PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN  
LEMBAGA PENGURUS SEKOLAH CINA  
MALAYSIA**

**GABUNGAN PERSATUAN GURU-GURU SEKOLAH  
CINA MALAYSIA**

**PERSATUAN GURU BESAR SEKOLAH TAMIL  
MALAYSIA**

### PENGENALAN

Festival Bahasa dan Sastera 2010 merupakan program memperkasakan bahasa dan sastera kebangsaan dalam kalangan pelajar **bukan Melayu** di Sekolah Menengah Persendirian Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK (C)) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK (T)) melalui pelbagai kegiatan, iaitu Pertandingan Koir, Deklamasi Puisi, Pidato dan Bercerita.

**Pertandingan Koir dan Deklamasi Puisi** untuk pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina.

**Pertandingan Pidato dan Bercerita** untuk pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, SJK (C) dan SJK (T).

### MATLAMAT

- Menanam kecintaan terhadap bahasa kebangsaan pada peringkat awal dari sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi tanpa mengira kaum.
- Bagi mewujudkan dan menyediakan suasana penggunaan bahasa kebangsaan yang indah dan santai dalam kalangan pelajar sekolah bukan Melayu.

### SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN PIDATO

1. Pertandingan ini terbuka untuk pelajar **bukan Melayu** yang belajar di Tahun Lima (5) dan Enam (6) di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK (C)) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK (T)), dan setiap sekolah diwakili oleh seorang peserta sahaja.
2. **Struktur Pertandingan**  
Pertandingan dibahagikan kepada dua peringkat, saringan dan kebangsaan.
  - 2.1 Peringkat saringan dibahagikan kepada 6 zon iaitu:
    - 2.1.1 Zon A (Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu)
    - 2.1.2 Zon B (Perak)
    - 2.1.3 Zon C (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan)
    - 2.1.4 Zon D (Pahang, Melaka dan Johor)
    - 2.1.5 Zon E (Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah)
    - 2.1.6 Zon F (Sarawak)
  - 2.2 Pertandingan peringkat kebangsaan akan menemukan johan peringkat zon.
3. **Tajuk Pidato**
  - 3.1 Tajuk pidato berdasarkan tema "Perpaduan".
  - 3.2 Teks pidato hendaklah dilampirkan bersama-sama borang penyertaan

### 4. Syarat-syarat berpidato:

- 4.1 Pemidato diberi masa lima (5) minit sahaja.
- 4.2 Loceng akan dibunyikan satu (1) kali satu minit sebelum masa tamat dan dua (2) kali apabila masa tamat.
- 4.3 Pemidato yang membaca teks semasa berpidato akan dipotong markah.
- 4.4 Kritikan terhadap isu-isu sensitif yang berkaitan dengan politik, agama, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang adalah dilarang.
- 4.5 Pemidato diwajibkan menggunakan bahasa kebangsaan yang betul.
- 4.6 Urus setia pidato berhak menegur pemidato yang melanggar peraturan di atas.
- 4.7 Pemidato hendaklah berpakaian kemas dan sopan.

### 5. Pemarkahan

- 5.1 Pembahagian markah:
  - 5.1.1 Isi - 25 markah  
Pengutaraan isi-isi yang bermas, data-data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraianya.
  - 5.1.2 Bahasa - 20 markah  
Penguasaan bahasa yang baik, jelas dan tepat (tatabahasa dan sebutan) serta gaya bahasa yang berkesan, bertepatan dengan maksud yang hendak disampaikan.
  - 5.1.3 Penyampaian - 45 markah  
Persembahan yang lancar, kesesuaian nada serta persembahan yang meyakinkan penonton. Perlu menunjukkan gaya yang menarik dan susunan idea tertib.
  - 5.1.4 Etika - 5 markah  
Tidak dibenarkan menyentuh isu-isu sensitif semua kaum serta perlakuan atau tutur kata yang kurang sopan.
  - 5.1.5 Markah bonus - 5 markah  
Markah bonus akan diberikan berdasarkan keseluruhan persembahan yang disampaikan.
- 5.2 Jika didapati dua atau lebih peserta yang mendapat markah yang sama, maka untuk menentukan pemenangnya hendaklah diambil kira peserta yang mendapat markah tertinggi dalam kombinasi markah bagi isi dan bahasa. Jika masih juga terdapat persamaan, kombinasi bagi isi, bahasa dan penyampaian dijadikan asas penentuan.

6. **Hakim**

- 6.1 Hakim akan dilantik oleh urus setia.  
6.2 Keputusan hakim adalah muktamad.

7. **Borang Penyertaan**

- 7.1 Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang penyertaan yang disertakan. Borang Penyertaan boleh dibuat salinan.  
7.2 Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada Urus Setia melalui pos, e-mel atau dihantar sendiri ke alamat yang diberikan.

8. **Hadiah**

8.1 **Peringkat Zon:**

- Tempat Pertama - RM 100.00  
Sijil Penyertaan  
Tempat Kedua - RM70.00  
Sijil Penyertaan  
Tempat Ketiga - RM 50.00  
Sijil Penyertaan

8.2 **Peringkat Kebangsaan:**

- Tempat Pertama - RM 500.00  
Sijil Penyertaan  
Tempat Kedua - RM 400.00  
Sijil Penyertaan  
Tempat Ketiga - RM 300.00  
Sijil Penyertaan  
Sagu Hati - RM 100.00  
Sijil Penyertaan

9. **Tarikh Tutup**

- 9.1 Tarikh tutup menghantar borang penyertaan pada **15 April 2010**.

10. **Tarikh Pertandingan**

- 10.1 Peringkat Zon : Mei – Jun 2010  
10.2 Peringkat Kebangsaan : Julai 2010 (Festival Bahasa dan Sastera).

11. **Urus Setia**

Urus setia berhak menolak penyertaan yang tidak menepati syarat penyertaan yang ditetapkan.

Urus setia boleh dihubungi di alamat:

Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan Pelbagai Kaum,  
Aras 8, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
**50460 KUALA LUMPUR.**

**Tel** : 03 – 2148 1162 / 1205 / 1204 / 1214

**Faks** : 03 – 2145 3826

**E-mel** : [khatijah@dbp.gov.my](mailto:khatijah@dbp.gov.my) / [razali3@dbp.gov.my](mailto:razali3@dbp.gov.my),  
[huznah@dbp.gov.my](mailto:huznah@dbp.gov.my) / [wanna@dbp.gov.my](mailto:wanna@dbp.gov.my)

12. Urus setia tidak menyediakan pengangkutan.  
13. Urus setia akan menanggung kos penginapan peserta dan seorang guru pengiring sahaja bagi peringkat kebangsaan manakala bagi peringkat zon adalah tanggungan sekolah.  
14. Urus setia akan menyediakan makan minum sepanjang tempoh pertandingan peringkat kebangsaan untuk peserta dan guru pengiring sahaja.  
15. Sebarang kemalangan atau kerugian dalam tempoh pertandingan ini adalah di bawah tanggungjawab sendiri dan tidak dibenarkan membuat tuntutan.  
16. Pihak penganjur berhak mengubah syarat-syarat pertandingan yang dinyatakan dari semasa ke semasa.

**BORANG PENYERTAAN**

1. **Butiran Sekolah**

Nama Sekolah : \_\_\_\_\_

Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

No. Faks : \_\_\_\_\_

E-mel : \_\_\_\_\_

2. **Butiran Pelajar**

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Umur : \_\_\_\_\_

No. KP/Surat : \_\_\_\_\_

Beranak (Sila sertakan salinan)

Alamat Rumah : \_\_\_\_\_

Darjah : \_\_\_\_\_

No. Telefon (Rumah) : \_\_\_\_\_

(Bimbit) : \_\_\_\_\_

Nama Ibu/Bapa : \_\_\_\_\_

/Penjaga : \_\_\_\_\_

Judul Pidato : \_\_\_\_\_

3. **Butiran Guru Pengiring**

Nama Guru Pengiring : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Alamat Rumah : \_\_\_\_\_

No. Telefon (Rumah) : \_\_\_\_\_

(Bimbit) : \_\_\_\_\_

4. **Pengesahan Pengetua**

Dengan ini disahkan bahawa pelajar tersebut adalah wakil sekolah kami.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengetua : \_\_\_\_\_

Cap sekolah: \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_